Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Datuk Musa: Empat jenis rancangan diutamakan

'Usaha atasi kemiskinan belum memuaskan'

Oleh NAZAR ABDUL

ALUR SETAR, Khamis — Datuk Musa Hitam menegaskan hari ini kerajaan masih belum berpuas hati dengan hasil usaha membasmi kemiskinan di negara ini walaupun kadar kemiskinan berjaya diturunkan.

"Kerajaan kini memberi perhatian yang lebih kepada pendekatan serta perlaksanan rancangan-rancangan tindakan yang telah digubal," kata Pemangku Perdana Menteri ketika merasmikan seminar "Kemiskinan Luar Bandar" anjuran bersama KEDA dan Institut Pertanian Malaysia di Wisma Negeri pagi ini.

Beliau berkata, kerajaan juga sedang membuat kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Keempat dan mula menggubal Rancangan Malaysia Kelima untuk terus melaksanakan strategi pembangunan negara.

Katanya, dengan tindakan itu kerajaan berharap dapat melaksanakan strategi pembangunan sesuai dengan rumusan-rumusan yang dibuat oleh Majlis Tindakan Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kategori

Datuk Musa berkata, kerajaan menerima hakikat bahawa kemiskinan masih wujud di negara ini dan pimpinan-pemimpin negara berazam membasminya.

Menurut Pemangku Perdana Menteri, kerajaan melaksanakan empat kategori rancangan untuk membasmi kemiskinan luar bandar. Pada asasnya semua rancangan tidak ada kecacatan.

- Strategi pertama ialah meningkatkan daya pengeluaran kegiatan petani dan nelayan supaya hasil pengeluaran mereka bertambah;
- Strategi kedua, mengatasi pengangguran di kalangan belia luar bandar dengan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan melalui rancangan-rancangan tanah dan rancangan pemulihan tanah terbiar;
- Strategi ketiga, memajukan kegiatan pertanian dengan menggunakan pendekatan bersepadu supaya ekonomi desa menjadi perindustrian desa dan;
- Strategi keempat ialah meninggikan mutu hidup penduduk luar bandar dengan memberikan kemudahan seperti bekalan air, elektrik, perkhidmatan kesihatan dan pelajaran.

Tanah

Datuk Musa, bagaimanapun, dukacita kerana dalam keghairahan kerajaan melaksanakan rancangan pembinaan bandar-bandar di kawasan luar bandar, kebanyakan bandar itu tidak dibina dengan sempurna kerana ia lebih menekankan aspek keindahan dari aspek kemudahan.

"Kita berharap perancang dan pelaksana akan mengubahsuaikan pendekatan mereka dalam soal ini dan kemudahan-kemudahan bandar baru yang dirancang dapat dibina secepat mungkin mengikut garis panduan rumusan-rumusan Majlis Tindakan Negara," ujarnya.

Beliau berkata, kerajaan juga sedang menyesuaikan pembahagian tanah melalui milik saham berbagai rancangan seperti Felda dan mini estet Risda kerana kajian ilmiah dan saintifik membuat rumusan bahawa kunci kejayaan negara terletak pada rancangan yang bersangkutan dengan tanah.

Datuk Musa menegaskan, setakat ini strategi pembangunan menyeluruh yang bersepadu sahaja dapat membantu mengatasi masalah pecahan milik tanah warisan dan tanah-tanah terbiar.

"Dalam pendekatan ini kita harus mencari dorongan yang dapat mengembalikan petani-petani kepada tanah terbiar dan dorongan itu dapat menggalakkan mereka meningkatkan pengeluaran, mungkin melalui penukaran jenis tanaman," tambahnya.

Beliau juga mengingatkan bahawa jika agensi-agensi atau institut-institut ditubuhkan untuk membantu si miskin lari dari matlamat asalnya, maka usaha kerajaan membantu kalangan miskin akan terbantut.

"Kerajaan telah mengambil tindakan mengembalikan agensi-agensi serta institut-institut berkenaan kepada tujuan asalnya dengan harapan usaha-usaha kita akan menepati sasaran," katanya.

Datuk Musa berkata, kaedah-kaedah baru yang dicapai dalam bidang pertanian akan cepat sampai kepada petani dan kemudahan-kemudahan kredit lebih mudah diperolehi oleh golongan nelayan.

Mengenai pembangunan luar bandar beliau berkata, kemudahan-kemudahan seperti bekalan air, elektrik dan jalan menjadi pendorong kepada peningkatan pengeluaran dan membuka pasaran yang lebih luas kepada pengeluaran desa yang diusulkan oleh penduduk-penduduk luar bandar itu sendiri.

"Masanya telah tiba bagi kita mengubahsuai pemikiran kita kepada peluang-peluang baru yang tiba dan merangka rancangan tindakan bersesuaian dengan peluang baru ini," tegasnya.

Menurutnya, dalam konteks itu, penduduk-penduduk luar bandar mungkin boleh menyertai industri mengeluarkan bahagian-bahagian kecil bagi alat-alat yang hendak dipasang dalam kereta buatan Malaysia kelak.